

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE IMPORTANCE OF BALAGHAH AL-ITNAB IN AL-QURAN]

KEPENTINGAN BALAGHAH AL-ITNAB DALAM AL-QUR'AN

ROSLAN AB RAHMAN ^{1*}
MD NOR ABDULLAH ²
ABDUL WAHID SALLEH ³
ABDULSOMA THOARLIM ⁴

¹ Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah & Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Terengganu

² Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

³ Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah & Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Terengganu

⁴ Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

*Corresponding author: roslanabr@unisza.edu.my

Received Date: 7 Januari 2017 • Accepted Date: 28 April 2017

Abstract

Al-Itnab is one of style that is contained in the Qur'an. The language has the privilege and power of its own based on its position as the word of Allah Almighty. Therefore, this study will analyze several sample sentences using force al-Itnab to demonstrate its importance. Primary data obtained from books about balaghah, Ijaz Qur'an and Tafsir al-Bayan. While secondary data are based on books on language, linguistics and others. 3 sample sentences using force al-Itnab selected based on sampling methods were analyzed descriptively aiming for each of the samples 1 to 3 out of 10 of al-Itnab. The result was a language al-Itnab in the Qur'an shown to have the privilege and power of its own to make it part of the Ijaz Qur'an. This is evident through the linkage between theoretical grammar and balaghah in the interpretation of meaning. Various implicit meaning can be disclosed and can have a profound impact and touched the heart of man to think rationally about the truth of the message of the Qur'an. The importance of al-Itnab also available through the goal of eliminating doubts and answer the questions that arise. Most of al-Itnab force also has the meaning of the affirmation and strengthening of the meaning of the verse. The implication can contribute to the assessment process al-Itnab meaning of verses that can be used also in other balaghah component.

Keywords: Style language of al-Itnab, balaghah al-Itnab in the Qur'an.

Abstrak

Al-Itnab merupakan salah satu daripada gaya bahasa yang terdapat dalam al-Qur'an. Gaya bahasa ini mempunyai nilai keistimewaan dan kekuatannya yang tersendiri berdasarkan kedudukannya sebagai kalam Allah swt. Oleh yang demikian, kajian ini akan menganalisis beberapa sampel ayat yang menggunakan gaya al-Itnab bagi menunjukkan kepentingannya. Data primer diperolehi daripada buku-buku tentang balaghah, I'jaz al-Qur'an dan tafsir al-Bayan. Manakala data sekunder pula berdasarkan kepada buku-buku tentang bahasa, linguistik dan lain-lain. Sebanyak 3 sampel ayat yang menggunakan gaya al-Itnab dipilih berdasarkan kaedah Pensampelan Bertujuan untuk dianalisis secara deskriptif iaitu masing-masing 1 sampel bagi 3 jenis sahaja daripada 10 jenis al-Itnab. Kajian mendapati gaya bahasa al-Itnab dalam al-Qur'an terbukti mempunyai keistimewaan dan kekuatannya yang tersendiri sehingga menjadikannya sebahagian daripada unsur I'jaz al-Qur'an. Hal ini terbukti menerusi pertautan antara teori nahu dan balaghah dalam proses pentafsiran makna. Pelbagai makna tersirat dapat dizahirkan dan memberi kesan mendalam serta boleh menyentuh sanubari manusia agar berfikir dengan rasional tentang kebenaran mesej daripada al-Qur'an. Kepentingan al-Itnab juga didapati menerusi tujuannya yang menghilangkan keraguan dan menjawab persoalan yang timbul. Kebanyakan gaya al-Itnab juga mempunyai makna penegasan dan pengukuhan makna ayat. Implikasinya dapat memberi sumbangan terhadap kaedah proses pengkajian makna ayat al-Itnab yang boleh digunakan pada komponen balaghah yang lain.

Kata kunci: Gaya bahasa al-Itnab, balaghah al-Itnab dalam al-Qur'an.

Cite as: Roslan Ab Rahman, Md Nor Abdullah, Abdul Wahid Salleh & Abdulsoma Thoarlim. 2017. Kepentingan Balaghah Al-Itnab Dalam Al-Qur'an. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15(1):19-36.

PENDAHULUAN

Balaghah merupakan sebahagian daripada komponen bahasa Arab dan satu ilmu yang amat penting untuk memahami ayat al-Qur'an dan hadis Nabi Muhammad SAW. Oleh yang demikian, bahasa Arab yang merangkumi pelbagai bidang ilmu seperti nahu, sarf, balaghah dan lain-lain lagi amat perlu dipelajari kerana dapat membantu bagi tujuan memahami isi kandung al-Qur'an dengan betul dan lebih mendalam. Hal ini kerana al-Qur'an itu diturunkan dalam bahasa Arab, seperti firman Allah swt:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ،

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai Qur'an yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya”
(Yusuf 12:2)

إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ۝

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai Qur’an yang diturunkan dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya”

(al-Zukhruf 43:3)

Berdasarkan kepada ayat di atas, ternyata Allah swt menurunkan al-Qur’an al-Karim sebagai panduan hidup kepada umat manusia dengan menggunakan bahasa Arab dan sudah pasti ia mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Antara keistimewaan bahasa Arab ialah terdapatnya pelbagai gaya bahasa yang digunakan seperti gaya bahasa al-itnab yang menjadi topik kajian ini. Secara jelasnya, bahasa Arab yang digunakan oleh al-Qur’an penuh dengan unsur balaghah dan nilai kesusasteraan yang hebat serta melemahkan orang Arab dari menandinginya walau pun mereka sudah terkenal dengan kehebatan dalam sastera Arab.

BALAGHAH DAN I‘JAZ AL-QUR’AN

Al-Qayrawani (1988, 1:418) menukilkan Khalil bin Ahmad pernah mengatakan *البلاغة كَلِمَةٌ تُكْشِفُ عَنِ الْبُعْيَةِ* Maksudnya, “Balaghah ialah suatu perkataan yang boleh mendedahkan sesuatu kehendak”. Mereka menjelaskan balaghah adalah menyampaikan makna dengan ayat yang ringkas dan padat makna. Manakala al-Maraghi (1992: 36) ada menyatakan maksud balaghah menerusi karyanya *Ulum al-Balaghah* katanya:

بَلَاغَةُ الْكَلَامِ مُطَابَقَتُهُ لِمُقْتَضَى الْحَالِ الَّتِي يُورَدُ فِيهَا مَعَ فَصَاحَتِهِ وَلَنْ يُطَابِقَ الْحَالُ إِلَّا إِذَا كَانَ وَفَوْقَ الْمَخَاطِبِينَ وَاعْتِبَارَ طَبَقَاتِهِمْ فِي الْبَيَانِ وَقُوَّةِ الْمِنْطِقِ.

Maksudnya: “Balaghah (Retorik) sesuatu percakapan adalah kerana selari dengan situasi dengan apa yang hendak disampaikan bersama kefasihan. Percakapan itu tidak akan selaras dengan situasi kecuali apabila selari dengan orang yang diajak berbicara dan mengambil kira tahap keupayaan mereka dalam memperolehi penjelasan serta kekuatan dalam bertutur”.

Dalam membicarakan balaghah al-Qur’an sudah pasti al-Itnab sebahagian daripadanya. Hakikatnya, elemen itu agak kurang dibicarakan dan masih asing dalam kalangan masyarakat amnya. Tambahan pula, seperti yang dinyatakan kajian ini mendapati tiada lagi kajian secara ilmiah khususnya di Malaysia. Oleh itu, amat wajar ilmu balaghah diberi perhatian dengan memfokuskan kepada al-Qur’an yang menjadi pegangan hidup setiap Muslim. Ilmu balaghah amnya dan al-Itnab dalam al-Qur’an khasnya perlu dipelajari dengan sebaiknya dan dengan adanya kajian terperinci tentangnya akan membantu untuk memahami al-Qur’an dengan lebih mendalam. Dengan itu dapat dijadikan bukti kemukjizatannya seperti penggunaan gaya bahasa yang sesuai, indah dan berkesan.

Gaya bahasa al-Qur'an secara jelas bersifat melemahkan manusia daripada menandinginya dan telah disepakati oleh para ulama balaghah Arab. Abd al-Qahir al-Jurjani (1998: 44) iaitu seorang tokoh balaghah Arab yang terkenal dan dianggap sebagai pengasas ilmu al-ma'ani dan teori al-nazm (susunan ayat) dalam semantik Arab telah menjelaskan tiga kategori utama bagi i'jaz al-Qur'an. Pertamanya, kategori bahasa yang meliputi bentuk susunan ayat, gaya olahan lafaz, keindahan yang ada di permulaan dan potongan ayat, kesinambungan antara lafaz dan kedudukannya. Kedua, beliau melihat dari sudut mesej seperti pemberitahuan, peringatan, galakan dan ugutan yang akan dirasai oleh setiap pembaca menerusi gaya pengujaran perumpamaan dan penceritaan dalam al-Qur'an. Ketiga pula adalah kaitan antara unsur bahasa dan kesesuaian makna yang hendak disampaikan. Ketiga-tiga kategori ini dilihat ada kaitan rapat antara ilmu al-ma'ani dan ilmu al-bayan yang akan menjadi asas dan landasan kajian ini dalam menganalisis gaya bahasa al-itnab dalam al-Qur'an nanti.

Berdasarkan tinjauan pada pengertian kandungan ilmu balaghah khususnya perspektif ilmu al-ma'ani dan al-bayan, ternyata ada dua elemen yang menjadi tunjang dalam mencapai objektif asasnya. Pertama, penggunaan uslub yang menepati kehendak situasi atau konteks yang disebut *مُطَابَقَةُ الْكَلَامِ لِمُقْتَضَى الْحَالِ*. Kedua adalah penggunaan bahasa yang fasih yang disebut al-Fasahah. Kedua-dua elemen ini juga menjadi asas dalam kajian ini agar tidak terkeluar dari landasan sebenar yang ditentukan kerana dianggap sebagai perkara pokok dalam menerokai kajian uslub al-Qur'an yang membawa kepada pembuktian al-i'jaz al-bayani dan kemukjizatan al-Qur'an.

Kajian balaghah al-Qur'an ini dianggap selaras dengan saranan Rasulullah SAW daripada sebuah hadis sahih riwayat al-Bukhari (1994: 18) dan Ibn Hajar al-Asqalani (1986: 393) dengan sabdanya: *مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ*. Maksudnya: "Sebaik-baik kamu adalah orang yang mempelajari al-Qur'an dan mengajarkannya"

Diperkuatkan lagi dengan ungkapan seorang tokoh balaghah Arab yang terkenal al-Zamakhshari yang dicatatkan oleh 'Abd al-Halim Hashim (1991) dalam bukunya I'jaz al-Qur'an 'inda al-Baqillani telah menyatakan: *لَا يَسْتَطِيعُ لِفَهْمِ أَسْرَارِ الْقُرْآنِ إِلَّا رَجُلٌ بَرَعَ فِي عُلُومِ الْبَلَاغَةِ*. Maksudnya: "Seseorang itu tidak mampu untuk memahami rahsia al-Qur'an melainkan ia seorang betul-betul mahir dalam ilmu balaghah".

Menurut Ahmad Jamal al-Umari (1990: 18), antara kandungan i'jaz al-Qur'an adalah keindahan dalam susunan ayatnya, hati khusyuk bila mendengarnya dan lidah menjadi kelu. Gaya bahasanya dikatakan tidak pernah ditemui sebelum ini, lantas melemahkan manusia dari membawa datang seumpamanya sama ada satu surah atau beberapa ayat. Oleh itu, ia disebut sebagai mukjizat balaghiyyah kepada Nabi Muhammad SAW. Pandangan kebanyakan sasterawan dan ulama' Mutakallimin bahawa i'jaz al-Qur'an hanya dapat diperoleh selepas mengenali ilmu balaghah.

Al-Suyuti (t.th., 1:3) menyatakan ramai dalam kalangan sarjana Arab yang telah menghasilkan kitab tentang icjaz al-Qur'an seperti al-Khattabi (w.338H/949M), al-Rummani (w.387H/997M), al-Baqillani (w.403H/1012M) dan ramai lagi yang rata-ratanya menyatakan bentuk icjaz al-Qur'an sehingga 80 bentuk. Beliau menjelaskan sebenarnya tiada penghubungnya dalam membahaskan i'jaz al-Qur'an sebagaimana pendapat al-Sakkaki (w.626H) dalam kitabnya al-Miftah. Ketahuilah bahawa i'jaz al-Qur'an itu dapat difahami

namun tidak dapat digambarkan kecuali betul-betul mendalami ilmu al-ma^ʿani dan al-bayan serta adanya latihan tentangnya. Al-Suyuti (t.th) juga menyebut dengan penuh rasa tawaduk (rendah diri):

وَلَيْسَ فِي طَاقَةِ الْبَشَرِ الْإِحَاطَةُ بِأَعْرَاضِ اللَّهِ فِي كِتَابِهِ

Maksudnya: “Di luar kemampuan manusia untuk menguasai keseluruhan tujuan Allah SWT (menggunakan sesuatu gaya bahasa) dalam al-Qur’an”.

Berdasarkan perbincangan di atas, perlunya merealisasikan perkara berkaitan gaya bahasa al-Qur’an. Gaya al-Itnab dalam al-Qur’an dipilih untuk memperincikannya sebagai sebahagian unsur i^ʿjaz al-Qur’an seperti yang telah dinyatakan. Sejauh mana gaya bahasa al-itnab menyumbang kepada aspek i^ʿjaz al-Qur’an dilihat selain menyelidik apakah keistimewaan dan tujuan sebenar penggunaannya. Gaya al-Itnab itu sendiri merupakan satu komponen besar dalam balaghah dan memberi sumbangan yang banyak dalam aspek kehebatan gaya bahasa al-Qur’an. Al-Imam al-Suyuti (t.th., 3:161) sendiri menjelaskan dalam membicarakan al-Ijaz dan al-Itnab dengan katanya:

إِعْلَمُ أَنَّهُمَا مِنْ أَعْظَمِ أَنْوَاعِ الْبَلَاغَةِ حَتَّى نَقَلَ سِرُّ الْفَصَاحَةِ عَنْ بَعْضِهِمْ أَنَّهُ قَالَ: الْبَلَاغَةُ هِيَ الْإِيْجَازُ وَالْإِطْنَابُ.

Maksudnya: “Ketahuilah bahawa kedua-duanya (al-Ijaz dan al-Itnab) adalah sebahagian besar) jenis balaghah, hinggakan dalam kitab Sirr al-Fasahah (Ibn Sinan al-Khafaji) mengatakan balaghah itu adalah al-Ijaz dan al-Itnab”.

PENGERTIAN AL-ITNAB

Dari sudut bahasa, kata kerja atnaba menerusi pola kata af^ʿala-yuf^ʿilu-if^ʿalan (أَطْنَبَ-يُطْنِبُ-إِطْنَابًا). Ibn al-Manzur (1994) menjelaskan al-Itnab berasal daripada “al-tanb maksudnya tali yang biasanya digunakan untuk memanjangkan dan mengikat khemah. Dari sudut istilah, al-Itnab adalah suatu unsur balaghah dalam pertuturan dan pernyataan atau deskripsi untuk memuji dan mengeji. al-Itnab dalam percakapan bererti sampai maksud yang dikehendaki dan orang yang membuat al-Itnab ialah seorang yang amat suka memuji orang lain.

Menurut Ibrahim Mustafa et.al (1972: 567) al-Mu^ʿjam al-Wasit perkataan kata kerja atnaba apabila disandarkan pada al-nahr iaitu sungai menjadi maksud sungai yang panjang aliran airnya. Apabila disandarkan pada al-rih iaitu angin pula memberi maksud kuat tiupannya hingga dipenuhi debu berterbangan. Jika disandarkan kepada haiwan pula ia memberi maksud pergerakan kumpulan haiwan secara deretan yang panjang. Atnaba pada percakapan dan pernyataan sesuatu perkara, bermakna memberi huraian penjelasan secara panjang lebar dan sampai maksudnya.

al-Itnab dari sudut istilah balaghah Arab adalah menjelaskan sesuatu secara berlebihan. Sebagaimana menurut Fadl Hasan (1992: 481) “al-Itnab adalah berlebihan dalam sesuatu

perkara, atnaba fi al-makan bermaksud tinggal lama di tempat itu. Adapun al-Ijaz bermaksud menggunakan perkataan yang sedikit bagi menjelaskan makna yang banyak. Oleh itu, al-itnab bermaksud menggunakan lafaz tambahan terhadap makna yang dikehendaki”.

Beberapa pandangan sarjana berkaitan diutarakan untuk melebarkan lagi maknanya sebelum dibincangkan pembahagian al-Itnab itu sendiri dalam ilmu balaghah. al-Itnab ialah “gaya bahasa yang susunan perkataannya lebih banyak daripada makna kerana tujuan tertentu seperti menyebut yang khusus selepas yang umum dan sebagainya” (DBP 2004).

Abd al-Mucim al-Sayyid Hasan (1980: 10) menerusi bukunya “Zahirat al-Takrar fi al-Qur’an al-Karim” ada menjelaskan al-Itnab pada pandangan ulama” balaghah bermaksud:

تَأْدِيَةُ الْمَعْنَى الْمُرَادِ بِلَفْظٍ أَرِيدُ مِمَّا يَسْتَحِقُّهُ لِفَائِدَةٍ وَقَدْ فَرَّقُوا بَيْنَهُ وَبَيْنَ التَّطْوِيلِ بِالْفَيْدِ الْأَخِيرِ فِي تَعْرِيفِ
الإِطْنَابِ وَهُوَ قَوْلُهُمْ لِفَائِدَةٍ.

Maksudnya: “al-Itnab adalah menjelaskan makna yang dikehendaki dengan lafaz yang lebih banyak dari yang biasa digunakan kerana adanya faedah tertentu. Sarjana balaghah membezakan antara al-Itnab dengan al-Tatwil (memanjangkan) menerusi batasan terakhir dalam pengertian al-Itnab iaitu kerana sesuatu faedah tertentu”.

Contohnya dapat dilihat menerusi bait syair al-Hutay^{ah}:

أَلَا حَبَبًا هِنْدًا وَأَرْضٌ بِهَا هِنْدٌ # وَهِنْدٌ أَتَى مَنْ دُونَهَا النَّأْيُ وَالْبُعْدُ

Maksudnya: “Beruntungnya Hindun dan bumi tempat beliau berada. Hindun pasti datang tanpanya membuatkan rasa jauh dan terasing”.

Jelasnya, penyair ini membawa dua lafaz seerti pada akhir bait syair tersebut iaitu “terasa jauh” dan “terasing” tanpa menimbulkan jemu kepada pihak pendengar bahkan menguatkan lagi maksud penyair. Lafaz Hindun pula didapati berulang sebanyak tiga kali dan inilah salah satu bentuk al-Itnab. Walaupun ayat menjadi panjang, namun ia berfungsi menjelaskan lagi kuatnya perasaan kasih penyair kepada kekasihnya sehingga menyebutnya beberapa kali.

Fadl Hasan ^{ah}Abbas (1992:481) pula menyebut makna al-itnab dalam pengertian balaghah Arab adalah menerangkan sesuatu perkara dengan cara menyebutnya berlebihan daripada sekali atau berulang kali. Beliau mengatakan dalam bukunya dengan membandingkan dengan penggunaan al-Ijaz (ringkas):

الإطناب: المبالغة في الشيء "يُقَالُ أَطْنَبَ فِي الْمَكَانِ إِذَا أَطَالَ الْإِقَامَةَ فِيهِ" وَإِذَا كَانَ الْإِجَارُ اسْتِثْمَارَ الْأَلْفَافِ الْقَتِيلَةِ فِي مَعَانٍ كَثِيرَةٍ "فَإِنَّ الْإِطْنَابَ زِيَادَةُ اللَّفْظِ عَلَى الْمَعْنَى".

Maksudnya: "al-Itnab adalah berlebihan dalam menyatakan sesuatu, bila menyebut al-itnab pada suatu tempat bererti tinggal lebih lama di tempat itu, Manakala al-Ijaz pula bererti penggunaan lafaz yang sedikit tetapi mempunyai makna yang banyak. Oleh itu al-itnab merupakan lafaz tambahan pada suatu makna".

Antara contohnya seperti firman Allah SWT:

فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ الشَّيْطَانُ قَالَ يَا آدَمُ هَلْ أَدُلُّكَ عَلَى شَجَرَةِ الْخُلْدِ وَمُلْكٍ لَّا يَبْلَىٰ ۚ

Maksudnya: "Setelah itu, Syaitan membisikkan (hasutan) kepada-Nya, Dengan berkata: "Wahai Adam! mahukah aku tunjukkan kepadamu pohon yang menyebabkan hidup selama-lamanya, dan kekuasaan yang tidak akan hilang lenyap?"

(Taha 20:120)

Merujuk kepada pandangan tafsir Sayyid Qutb (1992, Jzk.3:336), apabila seseorang membaca ayat tersebut iaitu *فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ الشَّيْطَانُ* secara tidak langsung seseorang itu menjadi tidak sabar untuk mengetahui cerita selanjutnya iaitu keterangan apakah yang maksud sebenar dengan bisikan atau hasutan syaitan dalam permulaan ayat itu. Secara jelasnya, dapat difahami bahawa ayat seterusnya yang didatangkan oleh Allah SWT iaitu: *فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ الشَّيْطَانُ* adalah mempunyai tujuan memberi penjelasan tentang apakah bisikan yang dimaksudkan kepada ayat sebelumnya iaitu *فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ الشَّيْطَانُ*. Antara contoh lain yang dapat menjelaskan lagi al-itnab adalah menerusi firman Allah SWT:

وَمَا جَعَلْنَا لِبَشَرٍ مِنْ قَبْلِكَ الْخُلْدَ أَفَإِنْ مِتَّ فَهُمْ الْخَالِدُونَ ۚ كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَنَبْلُوكُمْ بِالشَّرِّ وَالْحَيْرِ فَتْنَةً ۚ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ۚ

Maksudnya: "Kami tidak menjadikan seseorang manusia sebelummu dapat hidup kekal (di dunia ini), maka kalau engkau meninggal dunia (wahai Muhammad), adakah mereka akan hidup selama-lamanya?. Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan, dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan"

(al-Anbiya' 21:34-35)

Al-Qazwini (1995: 117) menyatakan daripada ayat *فَهُمُ الْخَالِدُونَ* yang ertinya Jika engkau (Muhammad saw) meninggal dunia adakah mereka kekal hidup selama-lamanya? Adalah satu daripada gaya bahasa al-itnab bagi ayat sebelumnya *وَمَا جَعَلْنَا لِبَشَرٍ مِنْ قَبْلِكَ الْخُلْدَ*.

Kesimpulannya, al-Itnab didatangkan dengan pengulangan perkataan atau ungkapan yang berkenaan dan melampaui makna perkataan tersebut kerana mempunyai sebab atau fungsi tertentu dan bukanlah didatangkan tanpa tujuan disebaliknya. Oleh sebab itu, uslub ini mempunyai kekuatan dan keutamaannya yang tersendiri. Dengan itu, wajarlah ia dikatakan berfungsi sebagai salah satu bentuk i'jaz atau kemukjizatan al-Qur'an. Kaedah uslub al-Itnab ini pada dasarnya datang dalam pelbagai bentuk seperti yang telah digariskan oleh para ulama' balaghah. Proses perincian ayat adalah berdasar kepada disiplin ilmu balaghah yang bersepadu dengan struktur nahu. Oleh kerana ruang yang terbatas, tiga jenis al-Itnab sahaja diambil untuk dibuat perincian, sedangkan terdapat sepuluh jenis al-Itnab seperti menurut Fadl Hasan 'Abbas (2005:499).

1. Jenis al-Idah ba'd al-Ibham (الإيضاح بعد الإبهام)

Firman Allah swt ;

فِيهِ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ مَّقَامُ إِبْرَاهِيمَ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِنًا وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا
وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ^{١٧}

Maksudnya: “Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya; di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim as. dan sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia. dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepada-Nya. dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk”

(Ali °Imran 3:97).

Al-Zuhayli (1991, 4:11), (al-Sabuni, t.th.) tacmim kepada takhsis, ibham kepada tabyin atau ijmal kepada tafsil, وَمَنْ كَفَرَ: di tempat لَمْ يَحُجُّ sebagai taakid pada kewajipannya yang juga menggunakan Jumlah Ismiyyah menunjukkan satu (al-Thabat wa al-Istimrar) ketetapan dan berterusan.

Ayat tersebut menceritakan kedudukan kaabah dan kefarduan ibadat haji. Menurut al-Suyuti (t.th.), al-Alusi (t.th.) dalam satu riwayat oleh Sa'id ibn Mansur yang bersumberkan daripada 'Ikrimah, ketika turunnya satu ayat (Ali °Imran:85) “... وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا...” kaum Yahudi berkata: “sebenarnya kami ini golongan Muslimin”. Rasulullah saw pun bersabda kepada mereka: “Allah telah mewajibkan ke atas kaum Muslimin naik haji ke Baitullah”. Kaum Yahudi berkata: “tidak diwajibkan kepada kami”. Dengan kata lain, mereka menolak kefarduan ibadat haji. Makan turunlah ayat tersebut yang menegaskan kewajipan seorang Muslim dan orang yang menolak ibadat haji ialah menjadi kafir. Al-Zamakhshari (1987, 1: 391) menyebut bahawa daripada Sa'id ibn Musayyab, ayat ini diturunkan kepada kaum Yahudi setelah mereka berkata; “Haji di Mekah tidak wajib”.

Menurut al-Zuhayli (1991), al-Zamakhshari (1987, 1:390) ayat:

وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِ دِينَ

Bermaksud orang yang menyangkal dan menolak (kafir) kedudukan Baitullah sebagai tempat pertama dibina untuk beribadat serta tidak menghiraukan perintah Allah swt pada ibadat haji, sesungguhnya Allah swt tiada apa-apa kepentingan kepatuhan hamba-Nya kerana Allah swt Maha Kaya iaitu tidak berhajat sesuatu dari sekalian alam. Jumhur ulama berpandangan mereka yang meninggalkan haji sedangkan ada kemampuan sebagai seorang yang enggan dan menolak ibadat haji. Dalilnya sabda Rasulullah saw seperti yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi:

مَنْ مَاتَ وَلَمْ يَحُجَّ فَلَيْمَتْ إِنْ شَاءَ يَهْدِيًا أَوْ تَصْرًا نَبِيًّا

Maksudnya: "Sesiapa yang mati dan tidak pernah menunaikan haji adalah matinya sebagai seorang Yahudi atau Nasrani". (Ibn Hajar al-Asqalani, 1417h, al-Talkhis al-Habir fi Takhrij Ahadith al-Rafa'I al-Kabir, No:3/836)

Dalil lain pula, diriwayatkan daripada al-Dahhak pada sebab turun ayat iaitu menurutnya setelah turun ayat kewajipan haji, Rasulullah saw menghimpunkan enam golongan agama iaitu Muslimin, Yahudi, Nasrani, Sabi'in, Musyrikin dan Majusi dan sabda Baginda saw:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ عَلَيْكُمُ الْحَجَّ فَحَجُّوا

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah mewajibkan haji ke atas kamu maka tunaikanlah haji". (Ibn Hajar, 1418h, al-Kafi al-Syaf fi Takhrij Ahadith al-Kashshaf, No.52)

Golongan Muslimin beriman kepadanya tetapi selain mereka semuanya kufur dan mengatakan "kami tidak beriman (ingkar) dengan haji, tidak mahu solat dan tidak mahu menunaikan haji". Allah swt menurunkan ayat tersebut di atas dengan tujuan tanfir (seruan kesedaran) bagi yang masih meninggalkan haji dan taghliz (gesaan) kepada yang mampu hingga mereka semua menunaikannya.

Menyentuh tentang i'rab dan struktur ayat tersebut, partikel و (dan) merupakan huruf [°]atf (kata penghubung) menunjukkan masih berkaitan dengan ayat sebelumnya iaitu suruhan menunaikan ibadat haji kepada yang mampu. مَنْ: Ism Shart sebagai al-Mubtada' (Subjek) atau ism mawsul, كَفَرَ : fi'1 shart dan fa'ilnya (pelaku) هُوَ. Huruf ف: ta'lil untuk Jawab Shart yang muqaddar (andaian): فَلَنْ يَصْرَّ اللَّهُ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ.

Ayat ini pula sebagai khbar (Predikat) atau silah al-mawsul (Ayat penghubung ism mawsul) (al-Ibrahim 2012; Nuri 2002; al-Darwish 1992). Apa yang jelas, ayat tersebut dalam kategori Jumlah Ismiyyah (Ayat bermula kata nama) yang membawa makna suatu yang tetap dan berterusan. Adapun merujuk aspek ilmu al-macani adalah mubtada' itu adalah Musnad Ilayh dan khbar itu merupakan Musnad. Kedua elemen ini menjadi asas utama bagi frasa

tersebut. Apa yang jelas musnad ilayh adalah dinyatakan dan tidak digugurkan dalam frasa, begitu juga Musnad. Penyebutannya mempunyai tujuan balaghi tersendiri iaitu:

زِيَادَةُ التَّقْرِيرِ وَالْإِبْصَاحِ لِلسَّمَاعِ

Maksudnya: Menambah kuat lagi pengakuan dan penjelasan kepada pendengar) (Ya'qub 1988: 83).

Menurut sarjana Balaghah, ayat ini juga berkaitan dengan teori al-wasl (pertalian) yang zahir menerusi huruf [°]atf al-waw yang memberi pengertian bersekutu dalam kedudukan dan disebut juga oleh ahli nahu li mutlaq al-jam[°] iaitu untuk semata-mata himpunan yang sama dengan ayat sebelumnya (mactuf) (al-Basyuni 1998 & Ibn [°]Aqil 1980)

Kajian ini mendapati bahawa tujuan tersebut selari dengan pendekatan al-Idah ba[°]d al-Ibham. Apa yang menarik ialah Allah swt yang Maha Mengetahui isi hati manusia telah menyediakan penjelasan kepada sebarang keraguan atau kesamaran yang wujud bagi frasa sebelumnya. Dengan ini juga seolah-olah terserlah satu perisa atau perencah sesuatu makanan bagi menambah selera kerana kemungkinan makanan tersebut kekurangan satu perisa tertentu. Pendekatan tersebut di atas seolah-olah satu perisa pelengkap dalam suatu makanan. Inilah yang dikatakan keindahan bahasa al-Qur'an dalam menyampaikan sesuatu mesej dengan lebih berkesan dalam sanubari manusia sama ada pendengar mahupun pembacanya.

Perkataan كفر menurut Ibn Manzur (1993, 12:118):

تَقْيِضُ الْإِيمَانَ أَمَّنًا بِاللَّهِ وَكَفَرْنَا بِالطَّاغُوتِ كَفَرُوا أَيْ عَصَوْا وَامْتَنَعُوا. كَفَرُ النُّعْمَةِ وَهُوَ تَقْيِضُ الشُّكْرِ وَجُحُودُ النُّعْمَةِ.

Maksudnya: "Lawan perkataan iman, kami beriman kepada Allah dan kami kufur kepada taghut, mereka menjadi kafir ertinya mereka derhaka dan enggan. Adapun kufur nikmat adalah lawan kepada syukur disebut juga Juhud al-Ni'mah".

Muhammad [°]Abd al-Halim dalam Mucjam al-Wasit (t.th.):

كَفَرَ: لَمْ يُؤْمِنْ بِالْوَحْدَانِيَّةِ أَوْ النَّبُوَّةِ أَوْ السَّرِيعَةِ أَوْ بِنَلَاتِهَا وَهُوَ كَفَرَ بِاللَّهِ أَوْ بِنِعْمَةِ اللَّهِ.

Maksudnya: "Tidak beriman dengan keesaan Allah, kenabian, syariah atau ketiga-tiganya. Dia kufur dengan Allah atau kufur nikmat".

Perkataan مَنْ secara zahirnya disebut al-Shartiyyah dan boleh dikatakan Mawsulah, dengan itu tidak memerlukan apa-apa al-Rabit (ikatan) seperti damir dengan dibawa bentuk zahir pada kedudukan damir kerana ayat asal seperti disebut oleh al-Alusi (2008, 3:18) adalah فَإِنَّ اللَّهَ عَنِّي عَنْهُمْ (السُّخْطُ). Lebih kuat lagi ayat adalah bermatlamat perintah

kewajiban ibadah haji yang dilihat lebih berkesan dengan gaya khabari. Lebih nyata lagi bentuknya dengan ayat ismiyyah yang menunjukkan suatu yang tetap dan berterusan serta diiringi dengan penegasan oleh Allah bahawa orang yang meninggalkannya suatu kekufuran dan perbuatan ini tidak memberi apa-apa kesan kepada Allah swt. Bahkan dengan ta'kid itu menunjukkan Allah swt reda kepada keimanan termasuk ibadah haji dan murka pula kepada orang yang ingkar dengan murka yang amat sangat.

Menurut al-Zuhayli (1991) ungkapan ini bererti sesiapa yang kufur dengan Allah swt atau dengan kefardhuan ibadat haji yang difardukan oleh-Nya. Ungkapan tersebut berada dalam Jumlah Shartiyyah yang diiringi selepas itu jawabnya iaitu dengan gaya penegasan إِنَّ (sebagai ayat khabari jenis talabi satu tawkid): “maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk “, iaitu daripada manusia, jin, malaikat dan sekalian hamba-Nya.

Kesimpulannya, merujuk kepada ayat sebelumnya iaitu Allah swt mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepada-Nya. Seolah-olah timbul keraguan atau kesamaran bagaimana pula dengan mereka yang kufur atau enggan mematuhi ibadat haji tersebut sekiranya ayat terhenti di situ. Di sinilah peranan pendekatan al-Idah ba'd al-Ibham menjelaskan keraguan atau kesamaran yang timbul di hati pembaca atau pendengar, ditambah pula dengan ayat jawab al-shart tersebut dengan bentuk satu tawkid (penegasan) menguatkan lagi kedudukan Allah swt yang Maha Kaya dan tidak menjejaskan apa-apa pun jika mereka kufur atau enggan menerima ibadah haji. Gaya penegasan yang membawa satu tawkid adalah bagi mereka yang syak dan ragu kepada kekuasaan Allah. Bertepatanlah dibawakan dengan frasa khabari bentuk talabi ini yang selari dengan situasi keraguan atau kesamaran yang dinyatakan itu. Ditambah lagi dengan pembawaan frasa jumlah ismiyyah itu sendiri seperti dinyatakan menunjukkan sesuatu yang tetap dan berterusan, selari dengan maksud ayat yang berupa penegasan Allah berkaitan prinsip hukum ibadah haji yang merupakan salah satu daripada rukun Islam yang ditetapkan kepada manusia.

2. Dhikr al-Khas ba'd al-^cAm (ذكر الخاص بعد العام)

Firman Allah swt ;

حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَىٰ وَقُومُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ^{٢٣٨}

Maksudnya: “Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardu, khususnya sembahyang Wusta (sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk”

(al-Baqarah, 2:238)

Al-Itnab yang berlaku dalam ayat ini adalah berupa sebutan kata khas iaitu al-Salat al-wusta selepas didatangkan kata am iaitu al-Salawat. Latar belakang ayat atau sebab nuzul,

diriwayatkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Abu Dawud, Baihaqi dan Ibn Jarir yang bersumber daripada Zaid bin Thabit, bahawa Nabi Muhammad s.a.w menunaikan solat zuhur pada hari yang sangat panas. Solat pada waktu itu menjadi sangat berat bagi Sahabatnya, maka turunlah ayat ini yang menyuruh melaksanakannya walaupun amat berat bagi mereka. Adapun riwayat lain oleh Ahmad, al-Nasa'i dan Ibn Jarir dari Zaid bin Thabit, bahawa Nabi Muhammad saw menunaikan solat zohor pada hari yang sangat panas. Di belakang Baginda terdapat satu atau dua saf sahaja yang mengikutinya. Kebanyakan mereka pada waktu itu sedang tidur siang atau berdagang, maka turunlah ayat ini (al-Suyuti t.th.:39)

Makna perkataan dan I'rab: Perkataan Hafizu bererti hendaklah kamu menjaga waktunya iaitu solat pada waktunya dan al-Salawat al-Wusta bererti solat Asar dan terdapat perbezaan pendapat seperti solat Zohor, solat Maghrib, solat Fajar dan salah satu solat 5 waktu fardu kerana Allah swt memerintahkan menjaga kesemua solat tersebut (al-Tabari 2006:39).

Al-Zuhayli (1991, 2:392), (al-Sabuni t.th.), menjelaskan makna حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ adalah دَاوُمُوا iaitu sentiasa menjaga solat fardu lima waktu dengan tekun, menunaikan dalam waktunya dan menyempurnakan rukun dan syaratnya dengan khusyu' tanpa mengabaikan, tidak gopoh dan tangguhkannya. الوَسْطُ مِنَ الصَّلَاةِ الْوَسْطَى (adil, pertengahan) adapun الْوَسْطَى الْفَضْلَى adalah الْفَضْلَى iaitu pertengahan dalam bilangan kerana ia di pertengahan antara dua solat sebelum dan selepasnya. Ada yang berkata; pertengahan waktu. Namun yang rajih (kuat) adalah solat Asar, kerana berdasarkan beberapa hadis iaitu Ahmad, Muslim dan Abu Dawud meriwayatkan dari cAli semasa – perang Ahzab: صَلَاةُ الْعَصْرِ – صَلَاةُ الْوَسْطَى.

Diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Shaykhan (Bukhari & Muslim) bahawa Nabi Muhammad saw bersabda pada hari tersebut (peristiwa perang Ahzab):

مَلَأَ اللَّهُ قُبُورَهُمْ وَبُيُوتَهُمْ نَارًا كَمَا شَغَلُونَا عَنِ الصَّلَاةِ الْوَسْطَى حَتَّى غَابَتْ الشَّمْسُ

Maksudnya: “Allah SWT memenuhi kubur dan rumah mereka dengan api sebagaimana mereka sibuk daripada menunaikan solat wusta sampai tenggelam matahari” (al-Bukhari, 1400h, No.6396)

Namun tidak menyebut solat Asar. Dalam satu riwayat daripada cAli, daripada cAbd Allah bin Ahmad pada sanad ayahnya, sedang kami menganggapnya solat Asar, Nabi Muhammad saw bersabda: هِيَ الْعَصْرُ (Ia adalah solat Asar). Ibnu Kathir (1988,.1:278) dan al-Zamakhshari (t.th.) menerusi tafsir mereka juga berpendapat ialah Solat Asar. Berdasarkan hadis di atas kajian ini juga berpendapat sewajarnya yang dimaksudkan Solat Wusta ialah solat Asar kerana keterangan latar belakang ayat di atas juga menjelaskan pada zaman Rasulullah saw ramai yang leka dengan urusan pekerjaan sehingga tidak ramai yang berjemaah bersama Nabi.

Struktur ayat ini berbentuk ayat kata kerja suruhan dimulai dengan حَافِظُوا bererti hendaklah kamu menjaga solat-solat (muta'alliq) iaitu huraian dan pelengkap kepada penjagaan. Al-Solah (ma'tuf kepada al-Solawat) dan al-wusta sebagai kata sifat (al-Tayyib 2012) . Secara jelasnya ayat ini ialah jumlah fi'liyyah yang memberi makna berterusan dalam sesuatu. Konteks ayat ini bermakna seseorang muslim perlu sentiasa menjaga solat mengikut

waktunya (Yacqub 1988).

Menurut al-Darwisy (1992) حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ merupakan ayat musta'nif (permulaan ayat) bagi menjelaskan hukum hakam solat. Hafizu juga merupakan sighthah (pola kata) mufacalah yang memberi makna mubalaghah (Menjaga dengan sungguh-sungguh). Ada yang berkata, suruhan tersebut juga ada kaitan dengan penjelasan hal permasalahan pasangan suami isteri pada ayat sebelumnya. Hal ini disebabkan solat adalah satu cara terbaik melupakan kegelisahan dunia. Rasulullah saw sendiri apabila ditimpa kegelisahan, Baginda segera menunaikan solat. Oleh itu, solat merupakan sebaik-baik cara mendidik manusia (al-Alusi 2008; al-Sabuni t.th.)

Kedudukan ayat ini dari perspektif ilmu al-ma'ani adalah merujuk kepada teori al-wasl antara dua frasa atau ayat. Ia berlaku menerusi huruf 'atf al-waw dan mengikut teorinya huruf waw ini ialah li mutlaq al-jam'i (Untuk Gabungan) atau pertalian dengan perkataan sebelumnya. Menurut ahli balaghah (Basyuni 1998), ayat yang menggunakan 'atf dengan waw hanya untuk semata-mata mempersekutukan dalam hukum dan semata-mata gabungan. Lantaran catf dengannya suatu yang halus (perincian). Bertepatan perkataan الصَّلَاةُ الْوَسْطَىٰ membuat perincian dengan lebih jelas lagi tentang solat seperti yang dibicarakan.

Dapat dirumuskan bahawa waktu solat Asar inilah yang selalunya umat Islam leka lantaran kesibukan urusan kerja atau bertembung dengan waktu untuk pulang ke rumah sehingga melewati atau meninggalkannya. Manakala solat yang lain tidaklah bertembung dengan kesibukan urusan dunia, solat subuh biasanya sebelum keluar rumah, solat zohor adalah sewaktu dengan masa rehat tengah hari, solat maghrib dan isya' waktunya setelah pulang ke rumah. Bertepatan lah ayat ini memberi penekanan kepada solat Asar dengan menyebutnya secara khusus setelah memberi suruhan menjaga solat fardhu lima waktu secara umum.

3. Jenis Dhikr al-^cAm Ba^d al-Khas (ذكر العام بعد الخاص)

Firman Allah SWT ;

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ^{١١٢}

Maksudnya: "Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan Yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam"

(al-An^cam.6:162)

Perkataan Solat bererti doa iaitu amalan yang dilakukan oleh manusia kepada Allah swt. Manakala Solat daripada Allah swt kepada hamba-Nya bererti rahmat. Al-Solawat sebagai kata jamak bagi al-Solat (Mukhtar al-Sihah t.th.:154; al-Munjid 1986:454) Solat dalam ayat ini merujuk kepada solat fardu lima waktu yang menjadi rukun Islam. Keutamaan solat dalam kehidupan umat Islam memang tidak dapat dinafikan kerana solat itu sendiri ialah tiang agama.

Perkataan nusuk pula berasal daripada kata kerja نَسَكَ bererti mencuci. Kata-kata نَسَكَ تَوْبَهُ memberi pengertian "Dia telah mencuci bajunya" (al-Shawkani 1994, Kamus al-Quran

2009). Perkataan nusuk pada awalnya bermaksud ibadah yang bersifat lebih umum berbanding solat kerana ibadah dapat menyucikan seseorang daripada dosa. Nusuk juga diertikan dengan jenis ibadah lebih khusus iaitu haiwan korban, manakala manasik diertikan dengan ibadat (syariah) secara umum atau tempat ibadat khas pada musim haji dan kadang-kadang dikhususkan kepada penyembelihan korban (Majma[°] al-Lughah al-[°]Arabiyyah 1970; Kamus al-Qur'an 2009) nusuk juga bermaksud ibadat selain solat seperti haji dan sebagainya (Tafsir al-Jalalayn 1987). Al-Sabuni (t.th.) menyatakan pendapat oleh Ibn [°]Abbas dan Mujahid dipilih oleh al-Tabari bahawa nusuk bererti sembelihan, seperti haiwan korban yang dimaksudkan nusuk dalam surah al-Baqarah (2:196). Adapun pandangan sebahagian Mufasssirin, nusuk bermaksud ibadah. Mereka termasuklah al-Zujjaj, manakala al-Hasan al-Basri berpendapat erti nusuk dalam ayat al-An[°]am (6:162) ini ialah agama (al-Shawkani 1994). Kesimpulannya, perkataan nusuk dalam ayat tersebut boleh diertikan dengan tiga pengertian iaitu ibadat, korban atau agama. Namun pendapat yang lebih kuat adalah diertikan dengan ibadat. Berdasarkan keutamaan ibadat solat dan urutan dalam ayat ini, sesuailah perkataan solat disebutkan dahulu berbanding nusuk.

Ayat ini tergolong dalam al-wasl dengan [°]atf al-mufradat (hubungan perkataan sinonim) dengan huruf waw menjadi kata penghubung. Basyuni (1998) menyatakan sebahagian ahli balaghah ada menjelaskan bahawa al-mufradat dihubungkan antara satu sama lain dengan huruf waw apabila wujudnya mutanasibah mutajanisah (saling berpadanan dan sejenis). Merujuk pada ayat di atas, perkataan Solat dipadankan dengan nusuk. Apa yang diutamakan dalam kajian ini ialah dua perkataan tersebut berpadanan dalam aspek antara khusus (Solat) dengan umum (nusuk). Dengan melihat perspektif makna dua perkataan tersebut, Solat ialah satu ibadat khusus dan nusuk pula ibadat lain secara umum seperti korban dan sebagainya. Ayat ini disebut isticnaf (permulaan) untuk ta[°]akid (penegasan) terhadap mendirikan syariat yang utama dan cabang (al-Darwish 1992, 3:289; al-Ibrahim 2012: 150).

Menurut Ibn Kathir (1988), ayat **إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ خُ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ** sebagai ungkapan yang diperintahkan oleh Allah swt kepada Nabi Muhammad saw untuk diceritakan kepada kaum musyrikin. Mereka beribadat kepada selain Allah dan menyembelih kerana selain nama Allah. Tujuannya adalah bagi menyatakan ajaran Baginda (Islam) bertentangan dengan cara mereka, iaitu solat dan ibadat, hidup dan mati hanya kerana Allah, Tuhan bagi sekalian alam dan tiada mempersekutukan-Nya. Hal ini sama pada ayat: **فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحِرْ** iaitu gesaan solat dan menyembelih korban ikhlas hanya kerana Allah. Adapun kaum musyrikin mereka menyembah berhala-berhala dan menyembelih haiwan kerana berhala tersebut. Demikianlah Allah memalingkan pegangan kaum musyrikin dengan ayat ini bahkan membetulkan tujuan dan niat serta azam dengan ikhlas kepada Allah semata-mata.

Bentuk ayat ini pula ialah ayat jumlah ismiyyah dengan didatangkan satu huruf tawkid **إِنَّ**. Manakala **وَمَمَاتِي** **خُ وَمَحْيَايَ** **وَنُسُكِي** **وَصَلَاتِي** pula sebagai ism bagi **إِنَّ** (musnad ilayh). Manakala **اللَّهُ رَبِّ الْعَالَمِينَ** sebagai muta'alliq khabar bagi **إِنَّ** (musnad). Merujuk kepada perkataan nusuki, dihubungkan dengan Solati sebagai [°]atf al-mufradat seperti dibicarakan menerusi perspektif al-wasl. Merujuk kepada ilmu al-macani juga, ayat ini sebagai ayat khabari li al-Mutaraddid kerana terdapat satu tawkid. Jika dilihat pada pandangan Ibn Kathir seperti

dinyatakan di atas, ayat ini ditujukan kepada kaum musyrikin bagi menyatakan kedudukan solat dan ibadat dalam Islam.

Dapat dirumuskan bahawa, kaum musyrikin sebenarnya ialah kaum kafir kepada ajaran Nabi Muhammad saw. Mengikuti teori ayat khabari, ungkapan untuk mereka yang ingkar dengan suatu hukum sepatutnya disertakan dengan sekurang-kurang-kurangnya dua tawkid dan ayat yang mengandungi satu tawkid sebenarnya untuk mereka yang mutaraddid (syak dan ragu). Kajian ini mendapati ayat ini termasuk kategori keluar daripada situasi zahir yang biasa iaitu ketiga-tiga adrub al-khabr (kategori ayat khabari) iaitu ibtida'i untuk tidak mengetahui sesuatu, mutaraddid untuk syak dan ragu dan munkir untuk yang mengingkari sesuatu. Seperti yang dinyatakan al-Hashimi (t.th.) sebagai percakapan yang bersalahan dengan adrub al-khabar kerana mengikuti perkiraan hasrat penutur dan ia mempunyai nilai balaghah yang lebih tinggi lagi mendalam. Kedudukan ini disebut tanzil al-munkir manzilah al-mutaraddid (Penurunan tahap ingkar kepada ragu). Menurut al-Hashimi (t.th.) juga, samalah dengan ungkapan menyebut *إِنَّ الْأَدَبَ شَرِيفٌ*, kata-kata kepada orang yang mengingkari kemuliaan adab dengan ingkar yang ringan. Apa yang dapat difahami bahawa, orang musyrikin yang kufur itu diberi dengan ungkapan satu tawkid nescaya akan lebih menarik perhatian mereka dan tidaklah pula sampai tahap ibtida'i li khali al-dhihn (tidak mengetahui sesuatu).

KESIMPULAN

Ayat-ayat tersebut amat bersesuaian didatangkan dengan jenis al-idah ba'd al-ibham yang menghapuskan kesamaran yang timbul. Begitu juga dengan dhikr al-khas ba'd al-^cam yang berfungsi satu penekanan dan peringatan kepada sesuatu perkara penting seperti solat asar yang sering diabaikan. Sebaliknya jenis dhikr al^cam bacd al-khas pula menyebut sesuatu yang lebih umum (nusuk) selepas sebutan sesuatu yang khusus (Solat). Selari dengan apa yang dinyatakan oleh Ibn Kathir (1988), ayat ditujukan kepada kaum musyrikin agar mereka berfikir dengan apa yang mereka amalkan seperti melakukan penyembelihan dengan nama selain Allah dan ibadat haji yang menyimpang jauh daripada manasik haji sebenar. Jika ayat terhenti pada Solat sahaja tanpa nusuk walaupun nusuk sudah termasuk dalam Solat, nescaya banyak persoalan akan muncul bagi pendapat penjelasan. Sewajarnya, gaya al-itnab ini dapat menyelesaikannya. Seterusnya, memberi ungkapan satu tawkid (mutaraddid:tahap ragu) lebih baligh berbanding dua atau lebih tawkid (munkir:tahap engkar) kerana lebih berkesan dalam sanubari mereka seperti menyentap hati mereka terhadap kesesatan amalan dan akidah yang mereka pegang.

Pentingnya menguasai ilmu balaghah al-Qur'an untuk memahami isi kandungannya secara lebih mendalam khususnya terhadap gaya bahasa al-Itnab. Oleh itu, ia amat perlu dipelajari oleh setiap pelajar muslim khususnya pelajar jurusan agama. Justeru, ilmu balaghah ini patut diberi tumpuan dalam pengajian tafsir dalam kalangan masyarakat.

Medan I'jaz al-Qur'an pula menjadi sebahagian perbincangan utama para sarjana balaghah dan tafsir. Ia dijadikan topik penting dalam ilmu 'Ulum al-Qur'an seperti diketengahkan oleh al-Suyuti (t.th.) menerusi kitabnya "al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an" dan lain-lain. Walaupun para sarjana membahaskan I'jaz al-Qur'an daripada pelbagai sudut, namun I'jaz Balaghi dikira sebagai satu unsur I'jaz al-Qur'an dan tidak terlepas daripada perbincangannya.

Antara skop I'jaz Balaghi ialah gaya bahasa al-Itnab yang menjadi topik kajian ini. Gaya bahasa ini telah diakui oleh al-Suyuti (t.th.) kerana ia mempunyai kekuatan dan kepentingannya yang tersendiri. Hal ini menunjukkan sumbangan besar ilmu al-Ma'ani, al-Bayan dan al-Badi' terhadap I'jaz al-Qur'an terutama dalam proses mentafsir dan menelusuri makna sama ada tersurat mahupun tersirat. Oleh hal demikian, kehebatan gaya bahasa al-Qur'an tiada tolok bandingnya kerana sekalian manusia tidak mampu menghasilkan karya seumpamanya.

Ilmu al-Ma'ani, al-Bayan dan al-Badi' bergandingan dalam membicarakan tujuan penurunan ayat yang berteraskan kepada kesesuaian dengan situasi dan kumpulan pendengar (Mutabaqah al-Kalam li Muqtada al-Hal). Segala ciri-ciri kemukjizatan al-Qur'an dalam gaya al-Itnab dapat dikenal pasti dari aspek lafaz dan maknanya.

Gaya al-Itnab mengambil ruang yang besar dalam balaghah al-Qur'an dan melahirkan pelbagai tujuan yang tertentu. Kebanyakannya berpaksikan kepada penjelasan, pengukuhan makna dan penghindaran keraguan yang mungkin timbul. Para sarjana balaghah telah pun meletakkan asas atau kaedah tertentu yang boleh memandu arah untuk memahami tujuan sesuatu jenis gaya al-Itnab yang digunakan mengikut konteks ayat tertentu. Kepelbagaian jenis gaya al-Itnab dalam al-Qur'an menggambarkan ketinggian dan kehebatan gaya bahasa al-Qur'an amnya. Hal ini menunjukkan al-Qur'an mementingkan teknik atau cara penyampaian sesuatu mesej agar dapat sampai kepada manusia dengan lebih berkesan dan melekat dalam sanubari mereka.

Apa yang nyata, kekuatan ayat yang menggunakan al-Itnab adalah tertumpu kepada keindahan lafaz dan kekuatan makna secara sepadu. Perkara inilah yang menyumbang kepada I'jaz Balaghi atau disebut I'jaz al-Qur'an. Sesuatu frasa atau ungkapan al-Itnab (penghuraian) yang digunakan itu dapat menzahirkan kekuatan makna dan kemukjizatan al-Qur'an terserlah seperti keindahan seni al-Tibaq (pasangan kata antonim) yang wujud. Begitulah dengan ungkapan lain, setiap jenis al-Itnab itu ada tujuannya yang tertentu hingga boleh mengatasi daya fikiran manusia lantaran susunan kata yang indah seiring dengan makna yang jitu. Ditambah pula wujud kesesuaian dengan situasi pendengar. Semua perkara ini berasaskan pada pandangan para sarjana ulung balaghah Arab tentang hakikat I'jaz al-Qur'an. Antaranya ialah al-Khattabi (w.338H/949M), al-Rummani (w.387H/997M), al-Baqillani (w.403H/1012M), al-Jurjani (w.1078H/1667M) dan lain-lain. Sayyid Qutb (w.1966) juga menyentuh perkara tersebut dalam karyanya "al-Taswir al-Fanni". Jenis al-Idah ba'd al-Ibham, Dhikr al-Khas ba'd al-'Am dan Dhikr al-'Am ba'd al-Khas ternyata dapat memberi penghuraian dengan lebih jelas dan dapat menghindari keraguan yang timbul.

Akhirnya, kesepaduan yang wujud antara elemen nahu dan balaghah itu sendiri menjadi satu I'jaz kerana gaya bahasa al-Qur'an tidak bersifat statik bahkan mengikut kesesuaian situasi. Hal ini sekali gus menjadikan setiap pembaca dan pendengar al-Qur'an akan merasa seronok hasil daripada lahirnya al-Dhawq (cita rasa) dalam diri mereka. Kajian seperti ini wajar diteruskan lagi kepada jenis-jenis al-itnab yang lain agar dapatan kajian akan lebih menyeluruh.

RUJUKAN

al-Alusi, Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Alusi al-Baghdadi. (2008). *Ruh al-Macani fi Tafsir al-Quran al-'Azim wa al-Sab' al-Mathani*. al-Qahirah: Maktabah al-

- Tawfiqiyyah.
- al-Alusi, Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Alusi al-Baghdadi.(1985). *Ruh al-Macani fi Tafsir al-Quran al-^oAzim wa al-Sabc al-Mathani*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-^oArabi
- al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. 1994. *Sahih al-Bukhari*. Riyyad. Bayt al-Afkar al-Dauliyyah.
- al-^oAsqalani, Ibn Hajar. 1986. *Fath al-Bari bi Sharh al-Bukhari*. Jil.10 & 13. al-Qahirah: Matbacat Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-^oAsqalani, Ibn Hajar. Ahmad bi ^oAli bin Hajar al-^oAsqalani. 1417H. *al-Talkhis al-Habir fi Takhrij Ahadith al-Rafa' i al-Kabir*. Arab Saudi. cet.1. Maktabah Nazar Mustafa al-Baz.
- al-^oAsqalani, Ibn Hajar. Ahmad bi ^oAli bin Hajar al-^oAsqalani. 1418h. *al-Kafi al-Syafi fi Takhrij Ahadith al-Kasysyaf*. Bayrut. *Dar Ihya' al-Turath al-^oArabi*.
- al-^oUmari, Ahmad Jamal. 1990. *al-Mabahith al-Balaghiyyah fi daw' Qadiyyah al-i'jaz al-Qurani*. al-Qahirah: Maktabat al-Khanji.
- al-Darwish, Muhy al-Din. 1992. *I'rab al-Quran wa Bayanuh*. Syria: Dar al-Irshad. Cet.3. Jil.1-10.
- al-Hashimi, Ahmad. t.th. *Jawahir al-Balaghah*. Bayrut: Dar al Ihya' al-Turath al-^oArabi.
- al-Ibrahim, Muhammad al-Tayyib. 2012. *I'rab al-Qur'an al-Karim al-Muyassar*. Bayrut: Dar al-Nafa'is.
- al-Ibrahim, Muhammad al-Tayyib. 2012. *I'rab al-Quran al-Karim al-Muyassar*. Bayrut: Dar al-Nafa'is.
- al-Jahiz, Abu ^oUthman cAmru bin Bahr.1990 *al-Bayan wa al-Tabyin*. Tahqiq: ^oAbd al-Salam Muhammad Harun. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Jurjani, ^oAbd al-Qahir. 1998. *Dala'il al-I'jaz fi cIlm al-Ma^oani*. pnyt. al-Sayyid Muhammad Rasyid Rida. Bayrut: Dar al-Ma^orifat.
- al-Maraghi, Mahmud Ahmad Hasan. 1992. *Ulum al-Balaghah*. Mekah: Maktabah Ihya' al-Turath al-^oArabi. Cet. 5.
- al-Qayrawani. al-Hasan bi Rashi^oq. 1988. *al-Umdah fi Mahasin al-Shi^or wa Lafzih*. Tahqiq. Majdi al-sayyid Ibrahim. Bayrut. Dar al-Kitab al-^oArabi.
- al-Qazwini, Jalal al-Din Abu ^oAbd Allah. 1995. *al-Idah fi Ulum al-Balaghah*. al-Qahirah: Maktabah wa Matba^oah Muhammad, ^oAli Sabih wa Auladih.
- al-Razi, Muhammad bin Abi Bakr bin ^oAbd al-Qadir. 1993. *Mukhtar al-Sihah*. Bayrut: Maktabah Lubnan.
- al-Sabuni, Muhammad ^oAli.t.th.. *Safwah al-Tafasir*. Jil.1-3. al-Qahirah. Dar al-Sabuni.
- al-Shawkani. Muhammad bin ^oAli bin Muhammad. 1994. *Fath al-Qadir*. Bayrut: Dar al-Kutub al-^oIlmiyyah.
- al-Suyuti, al-Hafiz Jalal al-Din ^oAbd al-Rahman & al-Mahalli, Jalal al-Din. 1987. *Tafsir al-Jalalain*. Beirut: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- al-Suyuti, al-Hafiz Jalal al-Din ^oAbd al-Rahman. t.th. *al-Itqan fi Ulum al-Qur'an*. al-Qahirah: Matba^oah Dar al-Turath.
- al-Tabari, Abi Ja^ofar Muhammad bin Jarir. 2006. *Tafsir al-Tabari al-Musamma Jami^o al-Bayan fi Ta'wil Ayi al-Quran*. Mesir. Cet.1. Dar al-Sahabah li al-Turath Tanta.
- al-Zamakhshari, al-Imam Mahmud bin ^oUmar. 1987. *al-Kasysyaf can Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil wa Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*. Jld.1. al-Qahirah. Dar al-Rayyan li al-Turath.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1991. *al-Tafsir al-Munir fi al-^oAqidah wa al-Shari^oah wa al-Manhaj*. Cet.1. Jil.1-31. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Basyuni, ^oAbd al-Fattah Fayud. 1998. *Ilm al-Macani Dirasah Balaghiyyah wa Naqdiyyah li Masa'il al-Ma^oani*. al-Qahirah: Matba^oah al-Sa^oadah. Cet.1.
- ^oAbd al-Halim Hashim al-Sharif. 1991. *al-Baqillani wa Juhuduh fi I'jaz al-Qur'an al-Balaghi*.

- Kaherah: al-Sadr likhidmah al-Tiba'ah.
- Fadl Hasan °Abbas. 1992. *al-Balaghah: Fununuha wa Afnanuha*. Cet.3. Jordan. Dar al-Furqan.
- Fadl Hasan °Abbas. 2005. *al-Balaghah Fununuha wa Afnanuha; °Ilm al-Ma°ani*. Cet.10. Jordan: Dar al-Furqan li al-Nashr wa al-Tawzi°.
- Hasan, °Abd al-Mu°im al-Sayid. 1980. *Zahirat al-Takrar fi al-Quran al-Karim*. Qahirah: Dar al-°Ulum.
- Ibn al-Manzur. 1993. *Lisan al-°Arab*. Cet.2. Jld.12. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-°Arabi.
- Ibn al-Manzur. 1994. *Lisan al-°Arab*. Bayrut: Dar al-Sadir.
- Ibn °Aqil, Baha' al-Din °Abd Allah. 1980. *Sharh Ibn °Aqil*. al-Qahirah. Dar al-Turath.
- Ibn Kathir, Ahmad Ibrahim Zahwa. 1988. *Tafsir al-Qur'an al-°Azim*. Bayrut: jld.1. Dar al-Kitab al- °Arabi.
- Majma° al-Lughah al-°Arabiyyah. 1970. *Mu°jam Alfaz al-Quran al-Karim*. Cet.2. Misr: al-Hay'ah al-Misriyyah al-°Ammah li al-Ta'lif wa al-Nashr.
- Majma° Khadim al-Haramain t.th., *al-Quran dan Terjemahan*. Madinah: Tiba°ah al-Mushaf al-Sharif.
- Matlub, Ahmad. 1973. *Manahij Balaghiyyah*. Kuwayt: Wakalah al-Matbu°ah, Sa°adah Jami°ah Baghdad °ala Nashrih.
- Mohd Bakhit Hj Ali, Roslan Ab Rahman, Prof. Tg Ghani Tg Jusoh & Md Nor Abdullah, 2013, *Perkembangan Ilmu Balaghah; Sejarah Awal Dan Kepentingannya*. Jurnal al-Basirah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri Bil.3. Nov.2013. (75-109)
- Mustafa, Ibrahim., al-Ziyat, Ahmad Hasan., °Abd al-Qadir, Hamid & al-Najjar, Muhammad °Ali. 1986. *al-Mu°jam al-Wasit*. Istanbul: Dar al-Dakwah.
- Noresah Baharom. 2005: *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramil Badi° Ya°qub. 1988. *Mausu° ah al-Nahw wa al-Sarf wa al-I°rab*. Bayrut: Dar al-°Ilm li a-Malayin.
- Sayyid Qutb. 1983. *al-Taswir al-Fanni fi al-Quran*. Bayrut: Dar al-Shuruq.
- Sayyid Qutb. 1992. *Fi Zilal al-Quran*. Bayrut. Jil. 3. Dar al-Syuruq.
- Tp. 1986. *Al-Munjid fi al-Lughah wa al-A°lam*. Beirut: Dar al-Masyriq.
- Zulkifli Mohd Yusoff, 2009. *Kamus al-Qur'an*. Selangor: PTS Islamika Sdn.Bhd.